

Warga **UPM** pameran karya kreatif

Program Amal Seni Kreatif 2013 memberi peluang warga Universiti Putra Malaysia (UPM) mempamerkan hasil karya dan kebolehan seni kreatif kepada masyarakat.

Ini bagi memberi pendedahan kepada mahasiswa UPM serta peminat seni kreatif kehalusan seni dan nilai abstrak khususnya bidang seni

kreatif.

Sebanyak 53 foto media massa mengenai operasi keselamatan di Lahad Datu turut dipamerkan Kelab Rekreasi dan Kebajikan 1 Media (KKR1M).

Majlis perasmian disempurnakan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof Dr Mohammad Shatar Sabran.



GAMBAR peristiwa Lahad Datu menarik perhatian kumpulan pelajar sekolah.



ADA sesuatu yang menarik menerusi hasil yang dipersembahkan hingga menimbulkan pertanyaan kepada tetamu.



PELBAGAI seni kreatif dipamerkan untuk ditatap warga kampus.